

23 APR 2003

PPP-IPF/I

PPP BANTAH KEMASUKAN IPF KE DALAM BN

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) akan memveto sebarang percubaan oleh Barisan Progresif India (IPF) untuk menyertai Barisan Nasional (BN), kata Presidennya Datuk M. Kayveas hari ini.

Beliau berkata PPP yang berusia 50 tahun itu memutuskan bahawa parti berkenaan tidak akan menyokong permohonan IPF untuk menyertai BN memandangkan parti serpihan MIC itu telah menimbulkan keraguan sama ada ia menyokong wawasan BN.

"(M.G) Pandithan (Presiden IPF) dalam sebuah akhbar berbahasa Tamil semalam secara tidak langsung mendedahkan apa yang kami syaki sejak dulu lagi. Beliau secara tidak langsung berkata IPF tidak menyokong konsep Sekolah Wawasan, yang telah diilhamkan dan dilaksanakan secara berperingkat oleh kerajaan," kata Kayveas kepada Bernama dalam satu temubual menerusi telefon di sini.

IPF ditubuhkan oleh Pandithan selepas persengketaannya dengan Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu lebih sedekad yang lalu. Pada peringkat awalnya, parti berkenaan berada dalam blok pembangkang tetapi kemudiannya menyatakan sokongan kepada BN.

Sejak itu, IPF berusaha untuk menyertai BN dan sistem konsensus parti campuran itu telah menafikan peluang IPF untuk menyertai BN. Ia adalah rahsia yang diketahui umum bahawa MIC merupakan penghalang kepada IPF dalam percubaannya untuk menyertai BN manakala PPP belum membuat keputusan mengenainya.

Kini dengan PPP iaitu salah sebuah parti komponen BN menyatakan pendiriannya berkaitan isu itu, para pemerhati merasakan IPF mempunyai tugas yang sukar untuk berkongsi tempat dengan 14 parti komponen BN yang lain dalam majlis tertinggi pakatan parti pemerintah itu.

Kayveas dilaporkan berkata semalam bahawa Pandithan merupakan "musang berbulu ayam" yang berpura-pura menyokong BN.

Beliau berkata demikian semasa mengulas kenyataan Pandithan dalam sebuah akhbar berbahasa Tamil bahawa cadangan Kayveas berkaitan penutupan sekolah-sekolah Tamil adalah sebagai menyokong konsep Sekolah Wawasan.

"Kenyataan yang dibuat oleh Pandithan menandakan Presiden IPF itu tidak menyokong Sekolah Wawasan yang dibayangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," kata Kayveas.

Beliau berkata permohonan seterusnya oleh IPF untuk menyertai BN tidak hanya akan ditentang oleh MIC tetapi juga PPP memandangkan IPF tidak akan menjadi aset tetapi satu tanggungan kepada BN.

Sementara itu, semasa dihubungi di kediamannya hari ini, Pandithan menafikan dakwaan bahawa beliau tidak menyokong konsep Sekolah Wawasan, yang akan menempatkan sekolah-sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan dalam perkarangan yang sama bagi merapatkan interaksi antara pelajar dari pelbagai kaum.

"Saya tidak kata begitu (saya menentang Sekolah Wawasan)...apa yang saya katakan ialah IPF akan bertindak sebagai pelindung bagi membela bahasa Tamil. Ia tidak bermakna yang kami tidak menyokong Sekolah Wawasan," katanya.

Beliau berkata sungguhpun Sekolah Wawasan bertujuan baik iaitu untuk menjalin hubungan kaum yang erat dalam masyarakat Malaysia tetapi konsep itu akan memakan masa.

"Ibu bapa perlu diberikan pendidikan mengenai Sekolah Wawasan terlebih

dahulu. Ianya sudah tentu satu proses yang perlahan...kita tidak boleh tergesa-gesa tetapi saya tidak pernah berkata bahawa IPF tidak menyokong konsep itu," kata beliau lagi.

Pandithan berkata Kayveas, yang juga Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, telah mentafsirkan kenyataannya (Pandithan) berdasarkan kehendak hatinya.

"Saya bukanlah musang berbulu ayam tetapi seekor harimau yang akan menerkam ke arah pengkhianat bahasa Tamil dan masyarakat India di negara ini," kata beliau lagi.

-- BERNAMA

SR AHH ROS